

23/05/2003

Kurang caruman: RM2b bakal masuki pasaran

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, lebih RM2 bilion wang akan mengalir dalam sistem pasaran berikutan tindakan kerajaan mengurangkan caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan bukan bermakna kerajaan mengambil wang itu daripada pekerja, malahan sebaliknya ia akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

"Saya juga dengar ada kritik terhadap bahagian tertentu dalam pakej (Pakej Strategi Baru) ini. Antaranya, konon pengurangan sumbangan pekerja daripada 11 kepada sembilan peratus (KWSP), tidak memberi makna, kerana ia mungkin RM10 saja (seorang sebulan).

"Tapi saya ingin maklumkan di sini bahawa, walaupun RM10 bagi seorang, jumlahnya bagi setahun ialah lebih RM2 bilion. Kita bukan kira setakat mana sumbangan... kalau orang ini berbelanja dalam negara, ini bermakna ada sebanyak RM2 bilion akan masuk dalam sistem (pasaran).

"Ini tujuan kita... bukan jumlah hanya RM10," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini semalam.

Ketika mengumumkan Pakej Strategi Baru kelmarin, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, pengurangan caruman pekerja kepada KWSP daripada

11 peratus kepada sembilan peratus untuk satu tahun bermula 1 Jun ini, adalah satu langkah untuk menambah pendapatan boleh guna rakyat.

Bagaimanapun, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), Senator Zainal Rampak, yang tidak bersetuju dengan langkah itu, menyatakan, ia cuma membabitkan purata RM10 seorang sebulan.

Katanya, bagi golongan berpendapatan rendah, jumlah kecil itu tidak akan
'dapat berbuat apa-apa.'

Dr Mahathir berkata, jika lebih banyak wang masuk ke dalam saku rakyat Malaysia, lebih banyak sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Teguran bahawa ia tak ada makna dan sebagainya... ini sebenarnya kerana kita tidak begitu faham apa kesan daripada potongan yang sikit. Jumlah pekerja sekarang ini tujuh juta, walaupun RM10 sebulan, tapi 7 juta bermakna RM70 juta... ini jumlah yang besar," katanya.

"Sambutan rakyat pada keseluruhannya terhadap pakej ini amat menggalakkan, kata Perdana Menteri, sambil menambah, pemberian bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam juga bertujuan supaya rakyat lebih berbelanja bagi merangsang ekonomi.

Ditanya sejauh mana ketegasan Bank Negara dalam memantau dan memastikan institusi kewangan mematuhi piagam pelanggan dalam menyediakan kemudahan kredit mudah dan mencukupi bagi membiayai sumber pembangunan perusahaan

kecil dan sederhana (PKS), Dr Mahathir berkata, persoalan mengenai ketegasan sepatutnya tidak timbul.

"Ia adalah sesuatu yang mereka perlu lakukan untuk memberi layanan kepada pelanggan mereka. Kita tidak boleh menghukum (institusi kewangan), tetapi kita tanya (suruh) mereka (institusi kewangan) untuk memberi jaminan kepada pelanggan mereka bahawa, "kalau awak datang kepada saya, saya akan bagi duit dengan mudah." katanya.

Dalam pakej kewangan itu, Perdana Menteri menggesa institusi kewangan memberi sokongan kepada pembangunan PKS dan memastikan perusahaan PKS dapat menerima kemudahan seumpama itu dengan mudah.